

05/02/2001

Calon didakwa tawar wang, telefon

GELANG PATAH, Ahad - Ketua Umno Bahagian Gelang Patah, Baharom Abdul Ghani, mendedahkan ada di kalangan pemimpin tertentu menawarkan wang dan telefon bimbit kepada ketua cawangan Umno, dengan tujuan mendapatkan pencalonan sempena pemilihan peringkat bahagian, April ini.

Beliau mendakwa mendapat maklumat itu daripada beberapa ketua cawangan yang cuba disogok dengan tawaran berkenaan oleh pemimpin tertentu sejak sebulan lalu.

Sehubungan itu, beliau berkata, pemimpin Umno sama ada pada peringkat cawangan, Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno Bahagian Gelang Patah diingatkan supaya berwaspada terhadap tawaran terbabit.

"Ahli parti perlu menolak amalan politik wang, sebaliknya menggunakan kebijaksanaan memilih pemimpin parti pada peringkat bahagian berpandukan rekod perkhidmatan terhadap parti, kewibawaan dan keperibadian seseorang.

"Jika ahli menerima dan memilih mereka yang sanggup menyogok wang sebagai pemimpin parti, maka usaha Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghapuskan politik wang akan menjadi sia-sia.

"Selain itu, parti Umno akan menghadapi kehancuran kerana dipenuhi pemimpin yang memberi dan menerima rasuah. Imej parti juga menjadi buruk dan rakyat akan menolak parti dalam pilihan raya akan datang," katanya ketika ditemui di sini.

Baharom yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tanjung Kupang, berkata pemimpin parti peringkat bahagian adalah penggerak parti pada peringkat akar umbi yang penting untuk menentukan kekuatan parti pada setiap masa.

Menurutnya, jika ada pemimpin parti hanya ingin mendapat tempat bagi kepentingan diri sendiri, bukan saja parti akan rugi malah rakyat setempat akan menjadikannya panduan membuat keputusan ketika pilihan raya kelak.

"Oleh itu, jika ada ketua cawangan yang menerima tawaran wang dan hadiah daripada orang tertentu dengan tujuan mendapatkan sokongan dalam pertandingan di peringkat bahagian pada April ini, mereka diminta membuat aduan kepada Umno Bahagian.

"Ini perlu agar tindakan itu dapat dimaklumkan kepada Jawatankuasa Rayuan dan Disiplin parti supaya tindakan susulan dapat diambil terhadap mereka yang terbabit demi membersihkan maruah parti," katanya.

(END)